

06 MAY 1996

Mahathir-RMK7 (Kesihatan)

SWASTA JANGAN TUMPU BINA HOSPITAL "LIMA BINTANG"

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Hospital-hospital bagi pesakit yang berpendapatan sederhana perlu ditubuhkan oleh sektor swasta, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, hospital swasta yang sedia ada lebih memberi penekanan kepada penyediaan kemudahan penginapan kesihatan bertaraf lima bintang.

"Pengendalian hospital swasta kelas biasa juga boleh memberi keuntungan bagi pelabur-pelabur Malaysia," katanya ketika membentangkan usul Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) pada persidangan Dewan Rakyat di sini.

Menurutnya, hospital swasta perlu mempunyai elemen subsidi timbal-balik supaya golongan yang kurang mampu mendapat rawatan kesihatan yang setara tanpa memerlukan kemudahan penginapan mewah.

Sambil menyatakan bahawa perkhidmatan perubatan tidak seharusnya menjadikan aspek kewangan semata-mata sebagai pertimbangan, beliau berkata sifat amal jariah dan kesyukuran perlu ada pada mereka.

"Masyarakat banyak terhutang budi kepada doktor-doktor perubatan, tetapi kemewahan yang dikecapi oleh golongan profesional ini pula bergantung kepada kemajuan masyarakat kita," katanya.

Dalam tempoh RMK7, katanya kerajaan akan terus mengembang dan meningkatkan program dan perkhidmatan kesihatan supaya rakyat menikmati kualiti hidup yang lebih baik.

Bagaimanapun, adalah menjadi semakin sukar bagi kerajaan untuk menyediakan rawatan hospital secara percuma atau dikenakan caj nominal, katanya.

"Ini bukan sahaja disebabkan oleh peningkatan kos perubatan yang ketara tetapi juga kesukaran untuk mengekalkan kakitangan kesihatan sama ada doktor atau jururawat dengan tahap gaji yang rendah yang dapat ditawarkan oleh kerajaan," katanya.

Pada masa akan datang, katanya, rawatan kesihatan di hospital kerajaan perlu dibayar sama ada melalui insurans kesihatan atau skim rawatan kesihatan swasta.

Menurutnya, kerajaan berhasrat untuk menswastakan kebanyakan kemudahan kesihatan termasuk hospital dan unit-unit rawatan khas.

"Satu bentuk subsidi akan dirangka bagi golongan miskin yang majikan mereka tidak mampu membayar perbelanjaan rawatan atau mereka yang tidak mampu mendapat perlindungan insurans kesihatan," katanya. -- BERNAMA

AZZ NMO